perti tongkat
n yang dice-
ir dan seba-
uan untuk
'berhenti se-
am permai-
an untuk
iam; seruan
yatakan se-
ah dipilih
juga rumia,
unia, rume-
atau reme-
tumbuhan
buahnya bo-
mana-mana
u tempat ke-
au tempat
ya), bertua-
jah.
n untuk
kehairanan
eranjat dan
sungai ber-
ngai yang
aut, muara
an untuk
bilangan
alan bagi
kata nama
ngan pe-
i hujung);
ng menun-
empat dan
asa perca-
apu atau
n dengan
ain-lain;
erguna, ti-
at, tidak
-apa hasil;
ati (ketika
esuatu),
angan sa-
rcuma;
enteng,
-buang
dan seba-
percuma;
at.
erti bunyi
uk kayu
dengan
k; kepen-
sia) bulu
ng atas
ng kehi-
teri) kera-
lak), jan-
rak) lali,
, tak pe-
gkabau)
g disisip



untuk melengkapkan (menggenapkan) baris sajak dan lain-lain.
20. Sejenis selendang (pembalut leher); kain serban; (Indonesia) ruang (bahasa percakapan) dalam rumah sakit, asrama dan lain-lain.
23. (Arab) mahkota; taju.
24. Balak yang diletakkan di atas tengkuk sepasang lembu, igu; pasang; regu, kumpulan, rombongan; guru.
25. Benih tumbuhan (yang telah bercambah) yang akan ditanam di tempat lain; menanam atau menabur benih di tempat yang tertentu (yang akan dipindahkan ke tempat lain; (kiasan) memupukkan, menyebarkan.
27. Kependekan kamu.
28. Iri hati (kerana orang lain pandai, berharta dan lain-lain); kurang percaya atau syak wasangka (takut-takut suami mempunyai kekasih lain dan sebagainya), curiga; hati-hati atau berjaga-jaga (kerana takutkan kesucian adat, agama dan lain-lain dikotori, dinodai).
29. Sejenis mangga yang harum baunya dan halus dagingnya, embacang.
30. (Minangkabau) engkau; hang.

KE BAWAH:
1. Jemu, jelak.
2. Rumbai; sejenis usus yang kecil pada usus buntu; umbuk; sejenis tumbuhan (rumpai).
3. Sejenis cawan yang berkaki dan diperbuat daripada perak atau emas dan lain-lain (untuk minuman, hadiah sukan dan sebagainya); (kiasan) batin, kalbu.
4. Bunyi seperti bunyi pisau yang diguriskan di papan dan lain-lain; (Eropah) rak, sejenis para-para tempat buku dan sebagainya.
5. Sejenis tumbuhan (pokok besar).
6. Cahaya yang melengkung dan bermacam-macam warnanya di langit, benang raja, bianglala, ular danu; (kiasan) warna yang bermacam-macam; sejenis tumbuhan (pokok renek), beberas merah, jejamu, pelanga, pelangih, pelangis, pelayas.
8. Seluruh, segenap, semua.
10. Mengiring; mengenyahkan, mengusir.
12. (Arab) kata, perkataan; alat untuk menulis (dari kabung dan sebagainya); (sastera lama) kemaluan laki-laki; (Minangkabau) sejenis pasir hitam yang bercampur dengan emas yang diayak.
14. Jarum yang digunakan untuk mencucukkan dan melekatkan sesuatu pada benda lain, pasak, peniti, semat.
16. Sejenis kuih Barat.
20. Sekelian, segala; segenap, seluruh, setiap.
21. Kain (tali dan lain-lain) untuk menggendong barang; balai-balai, geta.
22. Suara yang kuat (untuk memanggil atau menyeru), suara yang nyaring.
25. (Indonesia) sejenis tembakau yang halus racikannya, seg; (Kelantan) koyak, carik.
26. Merasa (perasaan) tidak senang dengan kelebihan orang lain dan lain-lain; cemburu, dengki.

JAWAPAN SEMALAM



SANG RAJUNA TAPA

oleh: HALIM TEH

Punca kekecohan pekerja di Kenyir diperjelas

PERSELISIHAN faham antara pekerja-pekerja Syarikat Hyundai, Korea Selatan dan pekerja tempatan di projek empangan hidro Kenyir, Terengganu berpunca dari perbezaan nilai kebudayaan, agama, bahasa dan fahaman.

Timbalan Menteri Tenaga, Pos dan Telekom, Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin berkata, bagaimanapun masalah ini dapat diatasi bila kedua-dua pihak, terutama pekerja asing, mula memahami nilai-nilai tempatan.

"Perbezaan nilai ini adalah perkara biasa dan jika tidak diawasi, ia akan mencetuskan perkara-perkara yang tidak diingini," katanya ketika menggulung perbahasan belanjawan kementerian itu di Dewan Rakyat semalam.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Ahli Parlimen Hulu Terengganu, Encik Alias Md Ali, yang telah berusaha sedaya upaya untuk menyelesaikan perselisihan itu tanpa menyebelahi mana-mana pihak.

"Usaha beliau telah mengelakkan perkara-perkara kecil yang mungkin akan diperbesarkan dan seterusnya mengelakkan kejadian-kejadian yang tidak diingini," tambahnya.

Menjawab dakwaan ketua pembangkang, Encik Lim Kit Siang (DAP-Kota Melaka), bahawa syarikat asing itu telah membeza-bezakan pekerja-pekerjanya, terutama dalam masalah bayaran gji, Datuk Haji Suhaimi menjelaskan:

"Pekerja-pekerja tempatan yang tidak puas hati dengan layanan atau bayaran gaji oleh majikan mereka hendaklah mengadu kepada saluran-saluran yang disediakan supaya tindakan akan diambil."

Belum sempat Timbalan Menteri itu menyambung hujahnya, Encik Lim mencelah dan mendakwa bahawa, walaupun aduan dibuat tetapi masalah pekerjaan bagi pekerja tempatan tidak juga selesai, malahan perselisihan itu dan cara-cara menyelesaikannya lebih memihak kepada Syarikat Hyundai.

Datuk Haji Suhaimi menyangkal tuduhan itu dan menegaskan bahawa masalah pekerjaan boleh dikemukakan kepada Pejabat Buruh untuk tindakan selanjutnya.

Beliau menjelaskan, masalah seumpama itu tidak menjejaskan perlaksanaan projek-projek yang dijalankan oleh syarikat-syarikat asing, terutama syarikat itu.

Selanjutnya, beliau memberitahu Dewan, kerajaan bercadang membina lebih banyak projek mini-hidro untuk mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dari minyak.

"Bagaimanapun, projek ini terpaksa ditangguhkan kerana ketiadaan peruntukan berikutan kemelesetan ekonomi."

Beliau juga mengumumkan kerajaan bercadang meningkatkan jumlah talian telefon dari 700,000 kepada 1.4 juta menjelang tahun 1985 yang menelan belanja kira-kira $2,000 juta.

Katanya, seseorang yang memohon untuk mendapatkan kemudahan telefon hanya perlu menunggu sebulan menjelang tahun itu.

Beliau juga berharap masalah gangguan talian dapat diatasi sama sekali dalam masa dua tahun lagi bila lebih banyak talian disediakan untuk mengatasi masalah penggunaan berlebihan terhadap talian yang sedia ada, terutama di waktu yang sibuk.

Mengenai masalah giliran waktu pekerja antara telefonis lelaki dan wanita, Timbalan Menteri itu berkata, telefonis wanita akan memulakan tugas giliran di waktu malam antara jam 7 malam dan 7 pagi di semua ibu sawat di Kuala Lumpur dan Kuantan mulai 1 Januari tahun depan.

Katanya, giliran bertugas ini kemudian akan dilaksanakan di lain-lain ibu sawat di seluruh negara secara berperingkat-peringkat.

Laporan JAMALUDDIN BAKAR dan ROKIAH KADIR

Amaran kepada sekolah swasta yang sebar dakyah anti-kerajaan

TIMBALAN Menteri Pelajaran, Dr Tan Tiong Hong, memberi amaran bahawa kementeriannya akan bertindak tegas terhadap mana-mana sekolah swasta yang menggunakan sekolah itu untuk menyebar dakyah anti-kerajaan atau tujuan politik.

Beliau menyatakan, dakwaan wakil Hamim dari Rantau Panjang, Haji Hassan Mohamad, mengenai perbuatan itu adalah serius.

"Yang Berhormat perlu membuktikan tuduhan itu supaya kementerian saya boleh mengambil tindakan tegas terhadap sekolah seperti itu," katanya.

Menjawab soalan tambahan Encik Ismail Said (BN-Kemaman) beliau berkata, setakat ini pihaknya tidak mempunyai bukti-bukti yang lengkap menunjukkan ada sekolah swasta digunakan untuk memberi ceramah politik.

Katanya, jika ada bukti sekolah swasta berbuat demikian pihaknya tidak akan teragak-agak untuk bertindak.

Menjawab soalan tambahan Encik Dasuki Haji Ahmad (BN-Tumpat) beliau berkata, pihaknya sentiasa menjalankan pengawasan ke atas sekolah-sekolah swasta supaya ia tidak terkeluar dari kehendak Akta Pelajaran 1961.

Menjawab soalan asal Encik Mamat Ghazalee Abdul Rahman (BN-Ulu Nerus) beliau berkata, setakat ini tidak ada bukti menunjukkan Institut Berkakan Kuala Terengganu digunakan untuk meresapkan fahaman politik dan tujuan politik sesebuah parti politik.

Fahaman

Katanya, pihaknya telah menjalankan siasatan mengenai perkara itu dan sekiranya sekolah itu didapati digunakan untuk meresap fahaman politik, tindakan tegas akan diambil.

Beliau berkata, sekolah itu dimiliki oleh seorang ahli Dewan Undang Negeri Terengganu dari Pas, Encik Abu Bakar Chik.

Katanya, meskipun beliau masih menjadi ahli Pas, tetapi kepercayaan ibu bapa terhadap sekolah itu masih kekal. Kini, ada 841 orang murid dari Tingkatan 3 hingga 6.

Jemaah akan diwajibkan menyertai Tabung Haji

KERAJAAN bercadang mewajibkan setiap jemaah haji menunaikan haji menerusi Lembaga Urusan dan Tabung Haji untuk mengelakkan peristiwa yang tidak diingini berulang lagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Abdullah Haji Ahmad Badawi, berkata cara ini dapat mengawal bakal-bakal haji dan menasihatkan mereka supaya mematuhi kehendak-kehendak serta peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk haji Saidin Haji Mat Piah (BN-Padang Rengas) yang ingin tahu langkah-langkah kerajaan ekoran penghantaran balik tujuh bakal haji Malaysia kerana melanggar undang-undang dan peraturan memasuki Arab Saudi serta mempunyai risalah dan gambar pemimpin revolusi Iran, Ayatollah Khomeini, di Dewan Rakyat semalam.

Menurut Datuk Haji Abdullah, siasatan lanjut masih dijalankan mengenai latar belakang dan kegiatan mereka.

"Tindakan sewajarnya akan diambil terhadap mereka bila siasatan itu selesai kelak," tambahnya.

Beliau menegaskan, tindakan tujuh bakal haji itu sungguh dikesali, tetapi kerajaan telah memaklumkan kepada Kerajaan Arab Saudi bahawa tindakan itu dilakukan oleh orang perseorangan.

"Dengan itu, hubungan kerajaan kita dengan Kerajaan Arab Saudi tidak terjejas kerana hubungan yang sedia ada antara kedua-dua negara berasaskan kepada pertalian persaudaraan dan persefahaman yang telah lama wujud," katanya.

Menjawab soalan tambahan dari Encik Daud Datuk Taha (BN-Batu Pahat), beliau memberitahu, tujuan bakal-bakal haji itu membawa risalah Ayatollah Khomeini ke Arab Saudi dalam-

Swasta bina cuma 15 peratus rumah murah

SEKTOR swasta setakat ini hanya berjaya membina 15 peratus dari 60,000 unit rumah awam kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Nafsiah Omar, memberitahu demikian ketika menjawab soalan tambahan Encik Mamat Ghazalee Abdul Rahman (BN-Hulu Nerus) di Dewan Rakyat semalam.

Katanya, kerajaan pada dasarnya setuju projek perumahan awam kos rendah dilaksanakan mengikut konsep pengswastaan.

"Tetapi, setakat ini syarat-syarat garis panduan untuk menswastakan projek-projek itu belum ditentukan dan kerajaan terpaksa mengkaji kesannya terlebih dulu," jelasnya ketika menjawab soalan asal Encik Ng Chen Kuai (BN-Lumut).

Panduan

Kerajaan perlu berunding dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri sebelum menentukan syarat-syarat garis panduan itu kerana perlaksanaan projek rumah-rumah kos rendah secara amnya dijalankan oleh mereka, katanya.

Kerajaan disyor wajibkan anak jaga ibu bapa

KERAJAAN disyor mengadakan undang-undang mewajibkan anak-anak memelihara ibu bapa mereka yang sudah tua.

Seorang peguam, Encik Bahari Harun (BN-Labis), ketika mengesyorkan perkara itu berkata, ini adalah penting kerana anak-anak sekarang tidak mempedulikan ibu bapa mereka yang tua tinggal serumah dengannya. Malah, mereka lebih suka melihat ibu bapa mereka duduk di rumah orang tua.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan Rang Undang-Undang Bekalan Kementerian Kebajikan Am sebanyak $4.6 juta di Dewan Rakyat semalam.

Menurutnya, kerajaan juga perlu membimbing orang-orang buta kepada perkara yang lebih produktif.

Wakil dari Tumpat, Encik Dasuki Haji Ahmad, pula mengesyorkan supaya kerajaan menghidupkan institusi pondok kepada orang tua Islam kerana cara itu mereka akan dapat hidup dengan selesa.

Katanya, sistem penempatan orang tua sekarang tidak sesuai dengan orang Islam kerana ia tidak mementingkan kepada masalah memberi khidmat.

Institusi pondok ini, katanya, memberi kebebasan kepada orang tua untuk mengendalikan kerja harian, seperti memasak dan beribadat.

Pendapatan peneroka antara $250 hingga $350 sebulan

PENDAPATAN peneroka Felda ditetapkan atas kadar $250 sebulan untuk getah dan $350 untuk peneroka kelapa sawit, kata Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah, Encik Zainal Abidin Zain.

Menjelang pilihanraya kecil Rungkup

Tokoh terkenal DAP Perak bantu kempen calon Pas

BAGAN DATOH, Isnin — Seorang tokoh terkenal DAP Perak dikatakan sedang membantu Pas dalam kempennya untuk pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Rungkup.

Menurut sumber-sumber, pemimpin DAP itu dikatakan sedang menjalankan kempen risik-risik, walaupun beliau tidak berucap dalam ceramah.

Berita Harian difahamkan, pemimpin itu banyak menumpukan kepada kawasan-kawasan bukan Melayu di sekitar Rungkup.

Kehadiran pemimpin DAP itu telah memeranjatkan pemimpin Barisan Nasional (BN) di sini kerana ini adalah pertama kali ternampak jelas penyertaan DAP dalam kempen pilihanraya kecil di Rungkup.

Setiausaha Agung Pas, Haji Hassan Shukri, pernah menyatakan di hari penamaan calon pada 17 November lalu bahawa partinya dan DAP tidak membuat sebarang pakatan dalam pilihanraya kecil itu.

Katanya, walaupun Pas dan DAP sama-sama pembangkang, tetapi ia mempunyai landasan perjuangan yang berlainan.

Penyokong-penyokong BN di sini juga membidas Pas kerana menjalankan kempen yang bersifat memecah-belahkan perpaduan, terutama di kalangan orang Melayu.

"Sumbangan Pas sebagai pembangkang dialu-alukan, tetapi biarlah pertandingan itu satu pertandingan yang sihat dan tidak memecah-belahkan bangsa.

"Perbuatan demikian tidak betul dan akan menjejaskan perpaduan," kata mereka.

Lawatan Dr M diduga dapat tambah undi

BAGAN DATOH, Isnin — Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke Selekoh dekat sini semalam mencerahkan lagi peluang Barisan Nasional untuk mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Rungkup.

"Peluang untuk menambahkan majoriti yang menjadi matlamat BN di Rungkup juga menjadi cerah berdasarkan sambutan penduduk yang memberi sokongan kuat kepada kedatangan Perdana Menteri itu," demikian pendapat kalangan penyokong-penyokong BN di Rungkup.

Dalam pilihanraya kecil kerusi Dewan Undangan Negeri ini, BN ditentang oleh musuh tradisinya, Pas. BN diwakili oleh Encik Mohamed Jamrah, 37, manakala calon Pas ialah Haji Ibrahim Hasan, 63 tahun. Hari mengundi ialah pada 3 Disember ini.

Lebih 30,000 rakyat berbilang kaum membanjiri padang Majlis Daerah Pekan Selekoh untuk menyambut ketibaan Datuk Seri Dr Mahathir, petang semalam.

Ini adalah pertama kali dalam sejarah Pekan Selekoh dibanjiri oleh ribuan manusia sehingga menyebabkan kesesakan lalulintas. Ramai juga yang tidak dapat turun dari bas yang membawa mereka ke tempat itu dan terpaksa mendengar ucapan Perdana Menteri dari dalam bas.

"Peristiwa petang semalam menunjukkan betapa bulatnya sokongan rakyat di Perak dan kawasan Rungkup khasnya terhadap pimpinan BN di bawah Datuk Seri Dr Mahathir.

"Sejajar dengan ini ia boleh ditafsirkan sebagai sokongan rakyat Rungkup kepada calon BN, Encik Mohamed Jamrah," kata seorang tokoh Umno yang hadir di perhimpunan itu.

Peluang

Berita Harian difahamkan, kedatangan Datuk Seri Dr Mahathir di Rungkup telah memberi tamparan hebat kepada kempen Pas serta menjejaskan sedikit sebanyak usaha yang dijalankannya sepanjang ini.

Namun begitu, adalah difahamkan Pas memang sudah meramalkan bahawa kemenangan calonnya amat tipis, tetapi apa yang mereka harapkan ialah untuk menambah jumlah pengundi.

Pas dikatakan mengambil peluang pilihanraya kecil ini untuk menimbangkan sejauh mana pengaruh dan kekuatannya di kawasan Hilir Perak.

Sekurang-kurangnya, Pas berharap untuk menambahkan jumlah pengundi untuknya dari 4,000 kepada 5,000.

Dalam pilihanraya umum pada 1982, calon Pas, Encik Ahmad Mashood Haji Masduki, memperolehi 4,070 undi — yang tertinggi setakat ini — manakala pada tahun 1978, calonnya, Encik Mat Ali Haji Alias mendapat 1,096 undi.

"Pas sudah pasti akan gembira jika ia dapat menambah jumlah undinya kali ini kerana mereka memang tidak berpeluang untuk menang, tetapi penambahan jumlah undi itu sedikit sebanyak akan menjejaskan imej BN di situ.

"Dalam hal ini, BN sedang bekerja keras untuk menggalakkan seboleh-bolehnya semua 18,083 pengundi di Rungkup keluar membuang undi agar matlamat menambah majoriti mereka akan tercapai," kata seorang pemerhati.

Sementara itu, kedatangan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Encik Anwar Ibrahim, hari ini dijangka akan menyulitkan lagi kedudukan Pas di Rungkup.

Encik Anwar, yang juga Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, dijangka akan berada hampir sehari suntuk di kawasan Rungkup.

Salah satu atur cara beliau ialah merasmikan pertandingan berzanji anjuran Pergerakan Pemuda Umno cawangan Sungai Betul.

Encik Anwar, yang terkenal sebagai seorang yang bijak berpidato, dijangka akan menjawab isu-isu keagamaan yang dibangkitkan oleh Pas selama kempennya di situ.

Sementara itu, Berjasa Perak memberi sokongan penuh kepada calon BN yang disifatkannya berkaliber untuk memimpin rakyat di kawasan itu.

Timbalan II pesuruhjayanya, Encik Mohd. Ali Osman, berkata hari ini, Berjasa menyeru pengundi supaya memberi sokongan bulat Encik Mohamed.

Katanya, seluruh rakyat hendaklah keluar beramai-ramai membuang undi untuk calon itu.

Empat projek terbesar di Rungkup

BAGAN DATOH, Isnin — Menteri Besar, Encik Ramli Ngah Talib, berkata Kerajaan Negeri sedang menumpukan kepada perlaksanaan empat projek saluran air sempurna dan terbesar di kawasan Rungkup, Bagan Datoh dengan perbelanjaan melebihi 26 juta.

Katanya, projek yang dibiayai oleh peruntukan dari pinjaman Bank Pembangunan Asia ini bertujuan memberi kemudahan dan membaiki taraf sosio-ekonomi penduduk di situ.

Beliau berkata, keempat-empat projek itu ialah $14 juta meliputi kawasan 24,230 hektar di Bagan Datoh, $2.5 juta untuk kawasan 1,600 hektar di Sungai Bangsi, $3 juta untuk kawasan 1,720 hektar di Sungai Suli dan di Sungai Jendarata $7.2 juta untuk kawasan 3,600 hektar.

Beliau mengumumkan demikian kepada beribu-ribu rakyat yang berhimpun di padang Majlis Daerah Selekoh semalam.

laysia Keempat sedang dilaksanakan.

Encik Ramli, yang juga Pengarah Pilihanraya Barisan Nasional Rungkup, yakin semangat orang ramai yang ditunjukkan itu bukan saja membuktikan sokongan kuat dan pendirian teguh kepada pucuk pimpinan BN.

RANCANGAN PERUMAHAN
SEGAMAT JAYA